

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Bertulis

**DARIPADA** : Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]

**SOALAN** : Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]  
] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu skim bagi menggalakkan pembukaan ladang untuk memelihara lembu tenusu dan lembu daging agar kita dapat mengurangkan kebergantungan kepada barangan import.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak mempunyai hasrat untuk mewujudkan skim bagi menggalakkan pembukaan ladang untuk memelihara lembu tenusu dan lembu pedaging. Namun begitu, Kementerian telah dan sedang mengambil beberapa usaha bagi meningkatkan pengeluaran daging dan susu. Antara usaha yang sedang dilaksanakan Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) adalah:

- (i) Program *Entry Point Project* (EPP) 5, NKEA iaitu meningkatkan pengeluaran daging;
- (ii) Program EPP13, NKEA *Dairy Cluster* iaitu meningkatkan pengeluaran susu; dan
- (iii) Projek Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Ruminan (TKPR) bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran daging dan susu.

Bagi pembangunan TKPR, beberapa kawasan telah dikenal pasti untuk dibangunkan supaya para penternak mempunyai jaminan kawasan bagi mengusahakan projek penternakan. Kawasan tersebut akan dibangunkan dengan kemudahan asas untuk penternakan dan juga *foder* untuk makanan ternakan. Pewujudan projek ini bertujuan membantu penternak sedia ada yang mempunyai kekangan kawasan untuk menternak atau membesarkan kapasiti penternakan. Projek ini juga memberi peluang kepada penternak baru yang berpotensi tetapi tidak mempunyai kawasan (tanah) untuk melaksanakan penternakan.